

MAHATHIR-ISLAM R' R' R' 1984

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- SEBUAH JAWATANKUASA TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENGAJAI DENGAN MENDALAM TAFSIRAN MENGENAI PENERAPAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA LAPORAN JAWATANKUASA ITU AKAN DIBENTANGKAN KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO DALAM MESYUARATNYA SELEPAS PERHIMPUNAN AGONG PART; AKAN DATANG.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO SELAMA LEBIH TIGA JAM SETENGAH DI IBU PEJABAT PARTI DI SINI.

KATANYA TAFSIRAN MENGENAI PENERAPAN ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA TELAH DIBINCANGKAN DALAM SIDANG HARI INI YANG MERUPAKAN YANG TERAKHIR SEBELUM PERHIMPUNAN AGONG UMNO YANG AKAN DIADAKAN SELAMA TIGA HARI MULAI 25 MEI.

MAJLIS TERTINGGI TELAH MENOLAK PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA UMNO DARIPADA SEROANG YANG NAMANYA TIDAK DISEBUTKAN KERANA TIDAK MEMENUHI SYARAT-SYARAT DENGAN BERTANDING MELAWAN UMNO DALAM PILIHAN RAYA LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA TELAH MENJELASKAN MASALAH MCA DAN LAIN-LAIN PERKARA BERKAITAN DALAM SIDANG HARI INI. --
--BERNAMA 1503 JAN